

# DEMONSTRASI ALAT PEMADAM API



# KUNJUNGAN KASIH KE HOSPITAL PITAS

7 NOVEMBER 2023



**PEGAWAI EKSEKUTIF BERSAMA STAFF MD PITAS MELAWAT ENCIK MASIKAH RUMINJI AHLI MAJLIS DAERAH PITAS 2023-2025 KERANA MENGALAMI MASALAH KESIHATAN.**

# PELAKSANAAN SUKAN PING PONG

15 NOVEMBER 2023





# WEBINAR INTEGRITI

“Mana Janji Manismu?” sempena Hari  
Integriti Nasional tahun 2023

---

Webinar ini telah dilaksanakan pada 16 November 2023 secara serentak di peringkat nasional. Semua kakitangan Majlis Daerah Pitas diwajibkan hadir webinar secara maya ini bersama-sama di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Pitas.



# MESYUARAT KAKITANGAN MAJLIS DAERAH PITAS

....

## BILIK MESYUARAT MAJLIS DAERAH PITAS

29 NOVEMBER 2023



Mesyuarat Kakitangan Majlis Daerah Pitas diadakan bertujuan untuk meningkatkan kualiti kerja serta mutu penyampaian servis kepada masyarakat. Antara aspek yang dibincangkan adalah berkaitan disiplin pekerja. Pegawai Eksekutif menasihatkan semua kakitangan agar meningkatkan lagi disiplin semasa menjalankan tugas.



# IKRAR BEBAS RASUAH

5 DISEMBER 2023



Bacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Majlis Daerah Pitas diketuai oleh Pegawai Eksekutif Encik Abdul Hafiz bin Hj Yahya. Upacara ini disempurnakan oleh Timbalan Pengarah SPRM Negeri Sabah(Pencegahan) Encik Alexander S. Kunghi.

9 DISEMBER 2023

# PERLAWANAN PERSAHABATAN MAJLIS DAERAH PITAS DAN HOSPITAL PITAS





## LAWATAN AHLI MAJLIS BERSAMA PEGAWAI DAN KAKITANGAN MAJLIS DAERAH PITAS KE MAJLIS DAERAH LAWAS

Seramai 11 orang Ahli Majlis Daerah Pitas bersama 17 kakitangan Majlis Daerah Pitas bersama Pengerusi dan Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Pitas mengadakan lawatan ke Daerah Lawas. Lawatan ini adalah bertujuan untuk berkongsi ilmu dalam bidang pengurusan antara kedua-dua PBT.





16 DISEMBER 2023

## PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA TAMPAR AHLI MAJLIS DAN KAKITANGAN MAJLIS DAERAH PITAS DAN MAJLIS DAERAH LAWAS





## MALAM MUHIBBAH SEMPENA LAWATAN AHLI MAJLIS, PEGAWAI DAN KAKITANGAN MAJLIS DAERAH PITAS KE MAJLIS DAERAH LAWAS



Setiausaha Majlis Daerah Lawas, Encik Zulkipli bin Hj Sahari menyampaikan cenderahati kepada Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Pitas, Encik Abdul Hafiz Yahya

Pengerusi Majlis Daerah Lawas Encik Ladin bin Hj Atok menyampaikan cenderahati kepada Datuk Ng Loi Tect (Timbalan Pengerusi Majlis Daerah Pitas)



Encik Abdul Hafiz bin Hj Yahya menyampaikan cendera kenangan kepada Encik Zulkipli bin Hj Sahari atas kesudian pihak Majlis Daerah Lawas menerima kunjungan daripada Majlis Daerah Pitas.

21 DISEMBER 2023



# MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



# KEMPEN LARANGAN MEMBUANG HAIWAN



Kempen ini adalah kerjasama antara Majlis Daerah Pitas dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pitas bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat agar tidak membuang haiwan peliharaan seperti anjing dan kucing di kawasan-kawasan hotspot pembuangan haiwan. Antara kawasan tersebut ialah kawasan Pekan Kanibongan, kawasan Sedko Pekan Baru, Dataran Pitas dan tapak tamu Pekan Pitas.